

# Mahasiswa akur keputusan kerajaan supaya kekal di universiti masing-masing

**KUALA LUMPUR** - Keputusan kerajaan untuk tidak membenarkan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta pulang ke kampung dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diterima dengan hati terbuka oleh golongan mahasiswa.

Timbalan Naib Yang Dipertua Kebajikan dan Infrastruktur Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Khairul Amirin Khaierudin, 22, berkata, beliau dan barisan MPP lain akur dan bersetuju dengan keputusan yang ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, pihaknya percaya keputusan tersebut adalah yang terbaik buat masa sekarang.

“Kami telah memaklumkan perkara ini kepada penuntut yang terkandas di sini sejak awal PKP dan alhamdulillah mereka



**KHAIRUL AMIRIN**



**ATHIRAH**

tiada bantahan,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, setakat ini jumlah penuntut UPM yang tidak dapat pulang sejak awal PKP dan berada di kampus Serdang adalah seramai 1,370 orang, manakala seramai 899 orang penuntut

lagi di UPM kampus Bintulu di Sarawak.

Menurutnya, fokus beliau dan rakan MPP lain ketika ini adalah untuk terus memastikan kebajikan penuntut berkecukupan terjaga.

“Sejak awal PKP lagi, bekalan makanan dan barang keperluan diri dibekalkan kepada penuntut.

“Malah, juga ada menerima sumbangan makanan dan barangan keperluan daripada pihak luar yang prihatin dengan nasib penuntut di sini,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihak universiti juga menyediakan kaunseling dalam talian untuk penuntut.

Sementara itu, Setiausaha Media Korporat MPP Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Athirah Sidik, 23, berkata, pihaknya juga akur dengan keputusan kerajaan itu walaupun mene-

rima banyak rungutan daripada penuntut yang terkandas di UiTM Shah Alam sejak awal PKP.

Menurutnya, terdapat seramai 805 penuntut di kolej kediaman ketika ini.

“Kebanyakan penuntut terkilang kerana Ramadan hampir tiba tetapi mereka masih tidak dapat bertemu keluarga, namun mereka faham dengan situasi terkini yang tidak membenarkan mereka pulang buat masa ini,” katanya.

Athirah berkata, bagi memastikan penuntut tidak bosan atau berasa tertekan, pihaknya mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan dalam talian seperti e-Sport, masakan dan nasyid.

“Pihak pengurusan universiti juga menyediakan talian khidmat kaunseling bagi membantu mereka menghadapi saat-saat sukar ketika ini,” katanya.